

BAB 3

METOD KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini memperkatakan tentang aspek rekabentuk kajian, ukuran pembolehubah yang digunakan dalam kajian, kumpulan sasaran dan pemilihan responden, prosedur pengumpulan data, ujian kesahan ke atas borang soal selidik dan kebolehpercayaan ke atas borang soal selidik kajian rintis, kajian utama, sampel akhir dan analisis data serta kesimpulan bab.

3.2 Reka bentuk Kajian

Penyelidikan ini ialah sejenis penyelidikan asas bermatlamat untuk memberi penjelasan berkenaan bagaimana modal sosial boleh memberi kesan ke atas pencapaian akademik masyarakat di luar bandar dan mengapa modal sosial keluarga dan masyarakat yang berbeza boleh memberi kesan yang berbeza. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan *cross-sectional* iaitu pengutipan data hanya melibatkan satu titik masa sahaja. Pengutipan data menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan borang soal selidik. Kaedah tinjauan adalah cara yang baik untuk mengutip maklumat dengan jumlah yang banyak daripada ramai responden walau bagaimanapun kekurangan kaedah ini ialah ia terbatas kepada borang soal selidik untuk mengutip data (Cherry, 2015; Schmitz, 2012).

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif dan inferensi yang bermatlamat untuk mengutip pengetahuan berkenaan dengan objek kajian namun cuba menghindarkan dari menyebabkan sebarang aspek yang boleh mengubah objek kajian. Pendekatan

deskriptif digunakan untuk mencirikan modal sosial di peringkat keluarga dan komuniti, sedangkan pendekatan inferensi digunakan untuk mengkaji hubungan antara pencapaian pendidikan masyarakat desa dengan modal sosial.

Kelebihan kajian deskriptif ialah menghasilkan banyak maklumat yang terletak di pertengahan spektrum pengetahuan antara reka bentuk penerokaan dan penjelasan. Pengkaji menggunakan pengetahuan dari kajian deskriptif untuk memperbaiki amalan, dasar dan perkhidmatan program. Kekurangan kajian deskriptif ialah pengkaji tidak dapat menghurai hubungan pembolehubah walau bagaimanapun kajian jenis ini menyediakan data yang mengenal pasti pembolehubah dan menyumbang pada penambahan pemahaman persoalan yang dikaji. Kajian deskriptif tidak menjelaskan atau mengesahkan hubungan antara pembolehubah bebas dan bergantung (Neuman, 2006). Pendekatan deskriptif tidak dapat menjawab hubungan dan adalah tidak cukup untuk menjelaskan aspek yang dikaji. Fungsi kajian deskriptif adalah untuk menerangkan fenomena sosial apabila ia secara relatif baru atau secara mudah perlu untuk diterangkan. Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji juga menggunakan analisis inferensi untuk mengkaji hubungan antara pembolehubah. Data ditinjau menggunakan unit sampel kajian. Pendekatan inferensi membuat andaian umum dari data yang dikutip secara empirikal (Neuman, 2006). Kesimpulannya, kajian deskriptif menerangkan fenomena sosial yang baru yang mengenal pasti pembolehubah dan meningkatkan pemahaman berkenaan persoalan (Thyer, 2001).

Pendekatan kuantitatif digunakan kerana ia dapat mengutip data dalam bentuk nombor untuk menjelaskan sesuatu fenomena seperti pencapaian pendidikan. Pendekatan kuantitatif juga dapat menjelaskan fenomena modal sosial yang mempengaruhi pencapaian pendidikan dan dapat menguji hipotesis dan teori seperti hubungan antara modal sosial dengan pencapaian pendidikan (Neuman, 2006).

3.3 Ukuran Pembolehubah Kajian

Modal sosial mempunyai tiga dimensi asas iaitu pertama adalah ikatan sosial, kedua ialah jambatan sosial dan ketiga adalah hubungan sosial. Dimensi modal sosial mengandungi enam sub dimensi iaitu kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan dan penyertaan sosial, dan pendayaupayaan.

Pengutipan data dilakukan melalui borang soal selidik dalam Bahasa Malaysia yang dibentuk berdasarkan model-model dan kajian terdahulu seperti borang soal selidik *Social Capital-Integrated Questionnaire (SC-IQ)*, borang soal selidik oleh penyelidik-penyelidik lepas yang lain seperti borang soal selidik yang dikaji oleh Bullen dan Onyx (1998), kajian oleh *Family Support Services Staff Questionnaire* (1999) yang bertajuk *Form 3: Staff questionnaire, National Centre for Social Research* dan kajian oleh *National Statistics* (2005) yang bertajuk *Neighbourhood survey 2005*, tinjauan literatur dan model-model kajian lepas seperti oleh Field (2003), Organisation for Economic Co-operation and Development (2001) dan Grootaert et al. (2004). Pengkaji tidak mengambil secara langsung soalan dari SC-QI tetapi pengkaji melihat pada pembolehubah yang dikaji dalam borang soal selidik tersebut iaitu pembolehubah kumpulan dan jaringan. Bahagian jawapan yang digunakan dalam borang tersebut adalah berbentuk terbuka tetapi dalam kajian ini skala jawapan yang digunakan adalah skala Likert. Ini adalah kerana skala Likert lebih mudah untuk diukur secara kuantiti dan melakukan analisis kuantitatif menggunakan sampel yang lebih besar. Hanya satu borang soal selidik sahaja digunakan dalam pengutipan data.

3.3.1 Maklumbalas/Komen Pakar

Borang soal selidik telah disemak terlebih dahulu oleh pakar-pakar bidang seperti dalam Apendiks B (Jadual 3.1) dan juga mendapatkan komen dari pakar-pakar tersebut. Kriteria pemilihan pakar adalah mengikut bidang kepakaran seperti bidang pendidikan, sosiologi, ekonomi dan pengurusan. Pengkaji memilih pensyarah universiti yang berstatus profesor dan profesor madya untuk dijalankan ujian kesahan kandungan. Antara komen yang diberikan oleh pakar dan tindakan yang dibuat oleh pengkaji ialah seperti berikut:

- a. Menambah pembolehubah kajian iaitu ikatan sosial untuk memenuhi keperluan objektif. Sebelum ini modal sosial hanya diukur berdasarkan pembolehubah kumpulan dan jaringan, maklumat dan komunikasi, pendayaupayaan, kepercayaan, interaksi sosial dan hubungan sosial tetapi cadangan pakar adalah ikatan sosial merupakan bahagian penting pembolehubah modal sosial. Ikatan sosial mengandungi 7 dimensi iaitu interaksi sosial, agregat sosial, autoriti sosial, peranan sosial, status sosial, norma sosial dan entropi sosial. Tindakan yang dibuat oleh pengkaji ialah dengan menambahkan pembolehubah ikatan sosial dalam soalan soal selidik.
- b. Mengubah tataletak atau *layout* soalan supaya lebih besar dari segi saiz.

Layout borang soal selidik telah diubah dari berbentuk soalan terbuka ke borang yang mengandungi soalan berbentuk pernyataan dengan respons skala Likert empat pilihan jawapan iaitu 1. Sangat tidak setuju, 2. Tidak setuju, 3. Setuju dan 4. Sangat setuju. Oleh itu, forma soalan telah ditukar dari berbentuk terbuka ke bentuk soalan pelbagai pilihan jawapan memanipulasikan skala Likert iaitu pilihan dalam jawapan merangkumi sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju. Pembahagian borang soal selidik ialah mengandungi borang persetujuan menjadi responden,

penjelasan berkenaan kajian, arahan untuk menjawab soalan kaji selidik dan soalan-soalan kaji selidik.

- c. Kulit borang soal selidik yang perlu mengandungi maklumat kajian seperti sinopsis. Sinopsis perlu dimasukkan supaya responden lebih memahami kajian yang memberikan gambaran keseluruhan kepada responden berkenaan sampel kajian iaitu pelajar sekolah. Tindakan yang dibuat oleh pengkaji ialah menambahkan maklumat berkenaan dengan kajian di halaman hadapan borang soala selidik seperti objektif kajian, penggunaan data yang dikutip untuk penerbitan, jaminan kerahsiaan, sampel kajian, dan definisi modal sosial.
- d. Melihat perkembangan sekolah dalam tempoh yang lebih lama iaitu selama 10 tahun. Jika satu tahun sahaja tidak dapat menunjukkan prestasi sekolah dari segi pencapaian tinggi atau pencapaian rendah. Oleh itu, data selama tempoh 10 tahun boleh membantu mengkategorikan sekolah kepada pencapaian tinggi atau rendah dan menunjukkan prestasi sebenar. Pengkaji telah memasukkan maklumat keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dalam tempoh 10 tahun di bahagian bab 1 tesis.

3.3.2 Pembentukan Skala Ukuran

Terjemahan ke atas borang soal selidik dalam kajian-kajian lepas tidak dilakukan kerana pengkaji menggunakan tiga bentuk skala ukuran iaitu sumber, ubahsuai dan menambah item. Pembentukan skala ukuran pertama adalah sumber iaitu berasaskan pada tinjauan atau ulasan karya kajian lepas yang paling kerap digunakan. Sebagai contohnya soalan dalam *Social Capital-Integrated Questionnaire* (SC-IQ) adalah berbentuk terbuka dan hanya menumpukan pada aspek yang berkaitan sumber. Contoh soalan ialah “saya

akan menghulurkan bantuan kepada pihak sekolah sekiranya berlaku sebarang bencana” dan “saya bekerjasama dengan rakan-rakan semasa projek atau sebarang aktiviti sekolah”.

Pembentukan skala ukuran yang kedua ialah ubahsuai iaitu pengkaji telah melihat konsep yang digunakan dalam borang tersebut iaitu kumpulan dan jaringan dan mengubahsuai soalan yang berbeza supaya sesuai dengan kajian di sekolah dan pelajar sebagai responden. Konsep yang lain dalam SC-IQ seperti kepercayaan dan perpaduan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, perpaduan sosial dan penyertaan dan pendayaupayaan serta tindakan politik adalah tidak sesuai untuk dikaji dalam kalangan pelajar sekolah dan tidak digunakan dalam kajian ini kerana SC-IQ mengukur pada tahap isi rumah dan individu. Contoh soalan ialah “saya mengganggotai kumpulan/persatuan akademik di sekolah sebagai contohnya persatuan Bahasa Malaysia, sains, matematik, pendidikan Islam dan lain-lain”, “saya mengganggotai kumpulan/persatuan beruniform di sekolah sebagai contohnya pengakap, bulan sabit, kadet bomba, puteri Islam dan lain-lain”. Pembentukan skala ukuran ketiga ialah melalui menambah item soalan sebagai contohnya pembolehubah kepercayaan iaitu “saya percaya kepada individu yang dikenali (seperti keluarga dan rakan) saya”, “saya percaya kepada individu yang tidak dikenali saya” dan “saya percaya kepada institusi awam dan swasta”.

3.4 Kajian Rintis

3.4.1 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Kali Pertama

Kebolehpercayaan adalah ukuran yang menunjukkan borang soal selidik bebas dari bias dan memastikan ketekalan ukuran merentasi masa item yang berbeza. Keperluan ujian kebolehpercayaan ialah untuk mengukur kestabilan dan ketekalan borang soal selidik untuk mengukur konsep dan membantu menilai sama ada borang soalan selidik baik atau tidak

(Sekaran & Bougie, 2009). Tujuan ujian kebolehpercayaan adalah untuk menguji keupayaan soalan soal selidik untuk menghasilkan keputusan yang sama di bawah keadaan yang sama (Field, 2003).

Prosedur untuk mendapatkan kebenaran bagi memperoleh sampel kajian ialah melalui persetujuan insititusi berkenaan pendidikan. Untuk tujuan menjalankan ujian rintis dan pengumpulan data kajian utama pengkaji telah meminta kebenaran daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dengan mengisi permohonan BPPDP 1 (Borang Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan 1). Borang tersebut adalah untuk permohonan melaksanakan penyelidikan di entiti-entiti yang berada di bawah bidang kuasa pihak kementerian tersebut seperti premis sekolah, kolej matrikulasi, institusi, institusi pendidikan guru, jabatan pelajaran dan bahagian-bahagian lain yang berada di bawah bidang tugas Kementerian Pelajaran Malaysia. Selepas kelulusan diterima dari pihak kementerian, penyelidik telah menghubungi pihak sekolah menerusi telefon bagi tujuan memperoleh kebenaran untuk mengadakan kajian di sekolah dan menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengedarkan borang soal selidik di sekolah.

Ujian rintis untuk menjalankan analisis kebolehpercayaan dalaman (Bryman & Cramer, 2009) yang pertama, terlebih dahulu penyelidik telah memperoleh maklumat dan data berkenaan pencapaian keputusan pelajar dalam penilaian PMR pada tahun 2007 (sila rujuk Jadual 1.6 dalam Apendiks A) untuk keseluruhan sekolah di Kedah. Berasaskan pada pencapaian keputusan peperiksaan tersebut penyelidik telah memilih dua buah sekolah untuk dijadikan sebagai lokasi kajian. Dua buah sekolah tersebut ialah sebuah sekolah berprestasi sederhana yang mempunyai pencapaian keputusan peperiksaan lebih dari 50 peratus prestasi aras minimum (S.M.K. Tunku Anum Tunku Abdul Rahman, Jitra) dan sebuah sekolah yang mempunyai pencapaian dalam kategori kurang baik yang mempunyai pencapaian keputusan peperiksaan lebih rendah dari 50 peratus (S.M.K. Siong, Baling).

Jadual 1.6 menggambarkan pencapaian peperiksaan PMR 2007 untuk keseluruhan sekolah menengah di luar bandar di negeri Kedah.

Borang-borang yang telah diserahkan kepada responden ketika menjalankan ujian rintis ialah:

1. *Informed consent/Consent form* (Kod:BPMR05)-
2. Borang senarai semak (Kod: BSS06)
3. Borang soal selidik (Kod:BKS01)
4. Borang soalan berstruktur (Kod: BSS02)
5. Borang maklum balas pelajar kepada soalan-soalan soal selidik (Kod:BMQ03)
6. Borang maklum balas pelajar kepada soalan berstruktur (Kod: BMS04)

Semasa menjalankan ujian rintis pada November 2008, sebanyak dua buah sekolah terbabit di mana sekolah pertama ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Siong, Baling (S.M.K. Siong) dan sekolah kedua ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Anum Tengku Abdul Rahman, Jitra (S.M.K.TATAR). Sebelum data ujian rintis dikutip, terlebih dahulu penyelidik telah menelefon pihak sekolah untuk memperolehi kelulusan untuk menyerahkan borang soal selidik di sekolah. Ketika aktiviti menyerahkan borang soal selidik dijalankan, penyelidik sudah mengedarkan sampul surat yang telah dilekatkan dengan maklumat alamat penyelidik dan setem supaya responden dapat memulangkan borang soal selidik melalui pos kepada penyelidik. Pengkaji telah menyerahkan borang soal selidik kepada Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) kira-kira 50 set borang soal selidik untuk diserahkan kepada pelajar sekolah. Namun pada 4 November 2008 guru Kaunseling iaitu En. Adnan telah membuat panggilan menerusi telefon yang meminta penyelidik untuk pergi ke sekolah bagi tujuan mengadakan proses penerangan kepada pelajar berkenaan kaedah untuk menjawab soalan dalam borang soal selidik dan

menjelaskan kesemua aspek yang gagal difahami oleh pelajar sekolah terutamanya tentang soalan-soalan yang gagal difahami oleh pelajar sekolah.

Pada 12 November 2008 penyelidik telah ke Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Anum Tengku Abdul Rahman, Jitra (S.M.K.TATAR) bagi tujuan mengadakan proses penjelasan dan menyerahkan borang soal selidik kepada pelajar sekolah. Justeru itu, dari jumlah 50 set borang soal selidik yang disampaikan kepada pihak sekolah, cuma 28 set borang soal selidik sahaja yang dapat diserahkan kepada pelajar sekolah. Dari keseluruhan 28 set borang soal selidik cuma 4 set borang soal selidik sahaja yang dipulangkan oleh pelajar sekolah. Ini bermakna hanya empat orang pelajar sahaja yang memberi jawapan kepada borang soal selidik. Oleh itu, borang soal selidik tidak dijalankan ujian kebolehpercayaan kerana bilangan borang tersebut adalah terlalu sedikit iaitu tidak mencapai jumlah paling minimum iaitu 10 cerapan bagi mengelakkan masalah pengiraan mengikut University of California Los Angeles (UCLA)^a, (2015). Borang soal selidik juga telah diserahkan kepada guru sekolah, pengetua dan penolong kanan untuk tujuan mendapat komen dan cadangan daripada pihak tersebut. Penolong Kanan HEM ialah Puan Hawa Binti Ahmad, dan dua orang guru kaunselor iaitu En. Adnan dan Pn. Ramlah, namun jawapan oleh Penolong Kanan HEM ke atas borang soal selidik adalah secara verbal iaitu beliau telah memberi komen bahawa soalan yang ditanya adalah terlalu susah untuk dijawab oleh pelajar sekolah dan tidak sesuai dengan tahap pendidikan pelajar. Pelajar sekolah juga telah memberikan jawapan dan komen ke atas borang soal selidik ketika proses penerangan tersebut.

Semasa ujian rintis pada 4 November 2008 penyelidik telah mengedarkan borang soal selidik di S.M.K. Siong, Baling. Bilangan borang soal selidik yang telah diedarkan adalah kira-kira 57 set borang. Pendekatan dalam proses mengedarkan borang soal selidik adalah dengan cara pelajar dikumpulkan di surau sekolah dan borang soal selidik diedarkan

kepada pelajar sekolah. Penyelidik telah memberi penerangan kepada pelajar sekolah berkenaan dengan kaedah untuk menjawab borang soal selidik. Pelajar sekolah juga telah diberi peluang untuk mengajukan sebarang soalan berkenaan dengan setiap soalan borang soal selidik yang tidak dapat difahami oleh pelajar. Kira-kira empat set borang soal selidik telah diserahkan kepada Pengetua sekolah, Penolong Kanan 1 dan dua orang guru kaunseling (Pn. Siti Mariam dan Pn. Fauziah) bagi mendapatkan komen dan cadangan ke atas borang soal selidik daripada pihak tersebut. Jumlah set borang soal selidik yang telah dipulangkan oleh pelajar sekolah adalah berjumlah 20 set borang soal selidik manakala hanya satu set borang soal selidik sahaja telah dikembalikan oleh guru iaitu oleh Pn. Siti Mariam. Namun guru-guru kaunseling telah mengemukakan jawapan atau cadangan ke atas borang soal selidik ketika proses penjelasan dan penyerahan borang soal selidik bersama-sama dengan pelajar sekolah dijalankan. Pelajar sekolah juga telah mengemukakan jawapan yang positif dengan sebilangan cadangan dan soalan ketika proses penjelasan. Tahap respons untuk ujian rintis ini adalah kira-kira berjumlah 28.23 peratus dan tahap tidak-jawapan iaitu responden yang tidak berjaya untuk menjawab borang soal selidik adalah kira-kira 71.76 peratus.

Penyelidik juga sudah menyerahkan borang soal selidik kepada guru sekolah untuk mendapatkan komen dan antara komen ialah seperti maksud istilah yang digunakan dalam borang soal selidik dan kesilapan ejaan. Tindakan yang dibuat oleh pengkaji ialah pengkaji memperbaiki kesilapan ejaan. Contoh soalan ialah “kumpulan/persatuan/kelab yang berkaitan dengan mata pelajaran (akademik) sebagai contohnya kelab Bahasa Malaysia, sains dan matematik” dan lain-lain. Pelajar-pelajar sekolah juga memberi komen ke atas borang soal selidik. Antara komen-komen ke atas borang soal selidik adalah seperti pelajar tidak memahami soalan dengan jelas seperti bahagian kumpulan dan jaringan, kepercayaan dan perpaduan serta penyertaan sosial. Contoh soalan ialah “apakah perkhidmatan yang anda dapat daripada

menganggotai kedua-dua kumpulan tersebut? Sila nyatakan". Tindakan yang dilakukan oleh penyelidik ialah mengubahsuai soalan kepada soalan berbentuk tertutup yang menggunakan skala Likert.

Bilangan borang soal selidik yang telah diserahkan semasa ujian rintis di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Anum Tengku Abdul Rahman, Jitra (S.M.K.TATAR) dan S.M.K. Siong, Baling ialah berjumlah 85 set borang soal selidik. Kaedah bagi menentukan jumlah sampel bagi tujuan ujian rintis ialah melalui menggunakan idea yang dikemukakan oleh Sabitha Merican (2006) di mana semasa ujian rintis jumlah sampel yang dipilih kebiasaannya dicadangkan sebanyak 50 orang sampel. Cara memilih sampel tersebut adalah tidak menggunakan tatacara persampelan kebarangkalian. Namun responden yang terlibat ada sifat-sifat yang boleh mewakili sampel populasi kajian dan responden yang dipilih juga ada kebarangkalian yang sedikit untuk berhubung atau bertemu sampel yang turut serta dalam kajian utama yang boleh menurunkan kesan awal.

Tindakan susulan sudah dijalankan menerusi panggilan telefon kepada pihak sekolah yang tidak mengembalikan borang soal selidik kepada penyelidik. Berasaskan pengetahuan lepas dalam ujian rintis kali pertama, penyelidik perlu mengespos surat susulan dan membuat panggilan telefon untuk tujuan tindakan susulan bagi memperolehi jawapan atau respons daripada pelajar sekolah. Tindakan susulan yang dijalankan melalui pos dimulai dengan beberapa tindakan oleh penyelidik seperti penyelidik mendapatkan senarai nama pelajar, alamat, nombor telefon dan maklumat-maklumat penting lain berkenaan dengan responden.

3.4.2 Kebolehpercayaan dan Kesahan Kali Kedua

Ujian rintis kali kedua dijalankan kerana ujian rintis pertama mendapat jawapan yang sangat sedikit iaitu kurang dari 30 set borang dari pelajar sekolah dan analisis tidak dapat dijalankan untuk kebolehpercayaan kajian. Oleh itu, untuk menjalankan analisis kebolehpercayaan, pengutipan data dibuat untuk kali kedua. Ujian rintis kali kedua dilaksanakan pada 16 Januari 2012 di Sekolah Menengah Kebangsaan Muadzam Shah. Kira-kira sejumlah 270 borang soal selidik telah diedarkan kepada pihak sekolah melalui wakil iaitu Puan Fauziah Binti Desa untuk diserahkan kepada pelajar sekolah tingkatan satu, dua dan empat. Borang soal selidik telah diambil semula pada 19 Januari 2012 di Sekolah Kebangsaan Muadzam Shah dan kira-kira sejumlah 227 borang soal selidik sudah dipulangkan kepada penyelidik. Kira-kira 21 borang soal selidik yang dipulangkan adalah borang soal selidik yang tidak diisi oleh pelajar sekolah dan 206 borang soal selidik yang telah dijawab bagi bahagian pembolehubah penyelidikan. Pada 17 Januari 2012 kira-kira sejumlah 280 borang soal selidik telah diserahkan kepada pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Hosba. Borang soal selidik sudah diedarkan kepada pihak sekolah iaitu melalui Pengetua sekolah, En Ismoning Ismail untuk diserahkan kepada pelajar sekolah tingkatan satu, dua dan empat. Borang soal selidik telah diambil kembali pada 19 Januari 2012, kira-kira sejumlah 276 borang soal selidik sudah dipulangkan. Kira-kira sejumlah 29 borang soal selidik adalah borang yang tidak dijawab oleh responden dan 247 borang soal selidik telah dijawab oleh pelajar sekolah. Tahap jawapan bagi ujian rintis ini adalah berjumlah 82.36 peratus dan tahap tidak-jawapan iaitu sampel yang tidak berjaya untuk mengisi borang soal selidik adalah kira-kira sejumlah 17.64 peratus.

3.5 Ujian Kesahan Dan Kebolehpercayaan Soal Selidik Bagi Ujian Rintis

Analisis kebolehpercayaan soal selidik boleh dilihat di bawah. Keputusan kesahan soal selidik boleh dilihat di bahagian lampiran Apendiks B (Jadual *Item-Total Statistics*). Terdapat beberapa bahagian yang mempunyai nilai Alfa Cronbach yang rendah iaitu $\alpha = 0.4$ apabila dianalisis soalan mengikut pembolehubah. Walau bagaimanapun nilai Alfa Cronbach ($\alpha = 0.7$) adalah boleh diterima bagi setiap pembolehubah. Jadual 3.2 menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi soalan soal selidik bagi ujian rintis dan selepas pengeluaran soalan. Jadual 3.3 menunjukkan nilai Alpha Cronbach ujian rintis bagi indikator modal sosial.

Jadual 3.2: Nilai Alpha Cronbach soalan soal selidik kajian rintis

Ujian Rintis				Selepas Pengeluaran Soalan			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
Kumpulan dan jaringan							
1	.50	.62	8	1	.56	.65	7
2	.55			2	.57		
3	.30			3	.28		
4	.22			4	.21		
5	.34			5	.37		
6	.36			6	.40		
7	.31			7	.24		
8	.10						
Kepercayaan							
50	-.13	-.23	3				
51	-.25						
52	.17						
Tindakan kolektif dan kerjasama							
53	.45	.41	5	53	.54	.75	3
54	.49			54	.61		
55	.46			55	.35		
56	-.08						
57	-.02						
Maklumat dan komunikasi							
58	.38	.84	14				
59	.48						
60	.49						
61	.28						

Jadual 3.2, sambungan

Ujian Rintis				Selepas Pengeluaran			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
Pendayaupayaan							
62	.50						
63	.54						
64	.46						
65	.46						
66	.53						
67	.39						
68	.56						
69	.49						
70	.50						
71	.53						
Perpaduan dan penyertaan sosial							
72	.28	.59	6	72	.25	.50	5
73	-.02			74	.26		
74	.50			75	-.03		
Pendayaupayaan							
75	.47			76	.49		
76	.42			77	.47		
77	.36						
78	.31	.58	4				
79	.25						
80	.44						
81	.47						
Interaksi sosial							
9	.34	.71	13	9	.10	.06	12
10	.37			10	.14		
11	.36			11	-.07		
12	.27			12	-.03		
13	.36			13	-.01		
14	.17			15	-.18		
15	.44			16	.03		
16	.50			17	.16		
17	.42			18	.04		
18	.52			19	.20		
19	.40			21	-.18		
20	.09						
21	.29						
Agregat sosial							
22	.18	.42	3	23	.30	.46	2
23	.33			24	.30		
24	.25						
Autoriti sosial							
25	.52	.69	3				

Jadual 3.2, sambungan

Ujian Rintis				Selepas Pengeluaran			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
26	.49						
27	.51						
Peranan sosial							
28	.39	.56	2				
29	.39						
Status sosial							
30	.20	.33	2				
31	.20						
Norma sosial							
32	.45	.58	3				
33	.47						
34	.26						
Entropi sosial							
35	.68	.89	7				
36	.67						
37	.69						
38	.66						
39	.67						
40	.78						
41	.60						
Jambatan sosial							
42	.46	.75	5				
43	.40						
44	.69						
45	.62						
46	.44						
Hubungan sosial							
47	.54	.71	3				
48	.56						
49	.49						

Jadual 3.3: Alpha Cronbanch Modal Sosial Kajian Rintis

Bil.	Modal sosial	Bilangan (soalan)	item α
Dimensi Modal Sosial			
1.	Kumpulan dan jaringan	8	.62
2.	Kepercayaan	3	-.23
3.	Tindakan kolektif dan kerjasama	5	.41
4.	Maklumat dan komunikasi	14	.84
5.	Perpaduan dan penyertaan sosial	6	.59
6.	Pendayaupayaan	4	.58

Jadual 3.3, sambungan

Bil.	Modal sosial	Bilangan (soalan)	item α
Ikatan Sosial			
1.	Interaksi sosial	13	.71
2.	Agregat sosial	3	.42
3.	Autoriti sosial	3	.69
4.	Peranan sosial	2	.56
5.	Status sosial	2	.33
6.	Norma sosial	3	.58
7.	Entropi sosial	7	.89
Bentuk Modal Sosial			
1.	Jambatan sosial	5	.75
2.	Hubungan sosial	3	.71

Jadual 3.3 dan Jadual 3.3 menunjukkan nilai Alpha Cronbach bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial. Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan 81 soalan ialah $\alpha = .87$. Secara keseluruhan didapati bahawa sebanyak 56.79 peratus nilai *corrected item-total correlation* bagi item soalan bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial dalam borang soal selidik semasa ujian rintis memenuhi kriteria kesahan menumpu (*convergent validity*) minimum yang boleh diterima $\alpha = .40$ ($\alpha > .40$). Manakala 43.21 peratus soalan tidak memenuhi kriteria kesahan menumpu minimum yang boleh diterima iaitu kurang dari $\alpha = .40$ (Luo et al. 2010). Kesahan menumpu adalah bermakna ukuran yang pelbagai dalam borang soal selidik yang sama berhubungan antara satu sama lain atau berfungsi dalam cara yang sama (Neuman, 2006).

3.6 Persampelan Dan Prosedur Pengumpulan Data Kajian Utama

Kajian ini bermula dari tahun 2006 dan berakhir pada tahun 2014. Pada fasa kajian rintis, senarai nama pelajar diperolehi dari pihak sekolah yang dipilih untuk dijalankan kajian untuk tujuan pengedaran borang soal selidik. Pada fasa kajian utama iaitu pengutipan


data sebenar pengkaji tidak mendapatkan senarai nama walau bagaimanapun pengkaji mendapatkan bilangan pelajar bagi tingkatan 1, 2 dan 4. Tinjauan menggunakan borang soal selidik dan pelajar perlu mengisi borang persetujuan menjadi responden yang dicetak bersama dengan borang soal selidik.

Pengkaji telah memberikan penerangan kepada pengetua atau wakil pihak sekolah maklumat berkenaan dengan kajian termasuk kaedah untuk mengisi borang soal selidik. Pengkaji tidak bertemu secara bersemuka dengan pelajar sekolah yang dikaji yang pengetua membuat keputusan untuk menyerahkan sendiri borang soal selidik tersebut kepada pelajar. Semasa pengedaran borang soal selidik, pengkaji menjawab setiap soalan yang dikemukakan oleh responden untuk mengisi borang seperti soalan yang berkenaan dengan konsep modal sosial. Borang soal selidik dibawa balik oleh pelajar sekolah untuk diisi dan borang tersebut adalah dalam Bahasa Malaysia. Semasa proses pengedaran borang soal selidik pengkaji menggunakan Bahasa Malaysia dan responden adalah terdiri dari latar belakang berbeza seperti dari ras Melayu, Cina dan India. Responden tidak menghadapi masalah bahasa untuk menjawab soalan semasa dalam borang soal selidik. Oleh itu, sebanyak 999 set borang soal selidik yang telah diedarkan. Pengkaji menghubungi pihak sekolah untuk mengutip kembali borang soal selidik yang telah diedarkan dan membuat temujanji dengan pihak sekolah untuk mengambil semula borang soal selidik. Rajah 3.1 menunjukkan carta alir langkah-langkah dalam proses penyelidikan tinjauan.

Berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Daerah Negeri Kedah berkenaan penyelidikan di sekolah ialah pengkaji perlu mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Dalam kajian ini guru menetapkan kaedah untuk pengedaran borang soal selidik ialah melalui borang tersebut diserahkan kepada guru dan guru yang akan mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar sekolah tingkatan 1, 2 dan 4. Bilangan responden yang terlibat juga ditentukan oleh guru. Pelajar-pelajar yang terlibat

adalah dari tingkatan 1, 2 dan 4 iaitu yang tidak terlibat dengan peperiksaan utama seperti PMR dan SPM. Oleh itu, saiz sampel yang dirangka tidak dapat dicapai kerana pemilihan sampel adalah ditentukan oleh guru seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung yang hanya memperolehi 100 orang responden berbanding bilangan saiz sampel yang dirangka sebanyak 200 orang. Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang sebanyak 300 orang responden dalam saiz sampel yang dirangka, walau bagaimanapun bilangan pelajar yang terlibat adalah seramai 299 orang. Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, saiz sampel yang dirangka adalah seramai 350 orang dan bilangan responden yang terlibat adalah seramai 350 orang. Sekolah Menengah Kebangsaan Jeneri bilangan saiz sampel yang dirangka adalah seramai 250 orang dan bilangan responden yang terlibat adalah seramai 250 orang.

Data adalah berbentuk data primer yang melibatkan pengutipan data dari subjek yang dikaji iaitu pelajar sekolah menengah harian biasa di negeri Kedah. Data primer adalah data yang dikutip untuk satu matlamat khusus. Eksperimen dan tinjauan adalah strategi atau kaedah untuk mengutip data primer (Hox & Boeije, 2005). Data primer ini dapat menjawab objektif dan persoalan kajian berkenaan kesan modal social ke atas pencapaian pendidikan pelajar sekolah menengah harian biasa di Kedah.



Rajah 3.1: Carta alir langkah-langkah dalam proses penyelidikan tinjauan

Sumber: Neuman (2006)

3.6.1 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Soal Selidik Bagi Kajian Utama

Analisis kebolehpercayaan soal selidik boleh dilihat di bawah. Keputusan kesahan soal selidik boleh dilihat di bahagian lampiran Apendiks B (Jadual *Item-Total Statistics*). Terdapat beberapa bahagian yang mempunyai nilai Alfa Cronbach yang rendah iaitu $\alpha = 0.4$ apabila dianalisis soalan mengikut pembolehubah. Walau bagaimanapun nilai Alfa Cronbach ($\alpha = 0.7$) adalah boleh diterima bagi setiap pembolehubah. Jadual 3.4 menggambarkan nilai Alpha Cronbach untuk soalan soal selidik untuk kajian utama dan selepas pengeluaran soalan. Jadual 3.5 menunjukkan nilai Alpha Cronbach kajian utama bagi indikator modal sosial.

Jadual 3.4: Nilai Alpha Cronbach soalan soal selidik kajian utama

Kajian Utama				Selepas Pengeluaran Soalan			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
Kumpulan dan jaringan							
1	.50	.67	8	1	.53	.70	7
2	.50			2	.53		
3	.47			3	.48		
4	.39			4	.38		
5	.38			5	.38		
6	.35			6	.36		
7	.27			7	.23		
8	.18						
Kepercayaan							
50	-.03	.12	3				
51	-.03						
52	.30						
Tindakan kolektif dan kerjasama							
53	.36	.32	5	53	.45	.71	3
54	.35			54	.55		
55	.45			55	.60		
56	-.15						
57	-.02						
Maklumat dan komunikasi							
58	.38	.83	14				
59	.48						
60	.49						
61	.41						

Jadual 3.4, sambungan

Kajian Utama				Selepas Pengeluaran			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
62	.53						
63	.41						
64	.41						
65	.50						
66	.52						
67	.40						
68	.56						
69	.54						
70	.47						
71	.47						
Perpaduan dan penyertaan sosial							
72	.31	.52	6	72	.33	.65	5
73	.35			73	.42		
74	.40			74	.46		
75	-.08			76	.39		
76	.36			77	.42		
77	.39						
Pendayaupayaan							
78	.37	.64	4				
79	.37						
80	.53						
81	.41						
Interaksi sosial							
9	.12	.23	13	10	.05	.01	
10	.20			17	.05		
11	.09						
12	-.02						
13	.06						
14	.11						
15	.05						
16	-.06						
17	.13						
18	.03						
19	.19						
20	.02						
21	-.02						
Agregat sosial							
22	.20	.42	3	23	.27	.43	2
23	.27			24	.27		
24	.28						
Autoriti sosial							
25	.47	.67	3				
26	.46						

Jadual 3.4, sambungan

Kajian Utama				Selepas Pengeluaran			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
Peranan sosial							
27	.47						
28	.36	.52	2				
29	.36						
Status sosial							
30	.35	.52	2				
31	.35						
Norma sosial							
32	.52	.68	3				
33	.60						
34	.38						
Entropi sosial							
35	.69	.89	7				
36	.71						
37	.72						
38	.69						
39	.65						
40	.73						
41	.58						
Jambatan sosial							
42	.41	.74	5				
43	.44						
44	.65						
45	.61						
46	.42						
Hubungan sosial							
47	.58	.77	3				
48	.63						
49	.61						

Jadual 3.5: Alpha Cronbach Modal Sosial Kajian Utama

Bil.	Modal sosial	Bilangan (soalan)	item α
Dimensi Modal Sosial			
1.	Kumpulan dan jaringan	8	.67
2.	Kepercayaan	3	.12
3.	Tindakan kolektif dan kerjasama	5	.32
4.	Maklumat dan komunikasi	14	.83
5.	Perpaduan dan penyertaan sosial	6	.52
6.	Pendayaupayaan	4	.64
Ikatan Sosial			
1.	Interaksi sosial	13	.23

Jadual 3.5, sambungan

Bil.	Modal sosial	Bilangan (soalan)	item α
2.	Agregat sosial	3	.42
3.	Autoriti sosial	3	.69
4.	Peranan sosial	2	.67
5.	Status sosial	2	.52
6.	Norma sosial	3	.68
7.	Entropi sosial	7	.89
Bentuk Modal Sosial			
1.	Jambatan sosial	5	.74
2.	Hubungan sosial	3	.77

Jadual 3.4 dan Jadual 3.5 menunjukkan nilai Alpha Cronbach bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial. Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan 81 soalan ialah $\alpha = .89$. Secara keseluruhan didapati bahawa sebanyak 49.38 peratus nilai *corrected item-total correlation* bagi item soalan bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial dalam borang soal selidik semasa kajian utama memenuhi kriteria kesahan menumpu (*convergent validity*) minimum yang boleh diterima $\alpha = .40$ ($\alpha > .40$). Manakala 50.62 peratus soalan tidak memenuhi kriteria kesahan menumpu minimum yang boleh diterima iaitu kurang dari $\alpha = .40$ (Luo et al. 2010). Kesahan menumpu adalah bermakna ukuran yang pelbagai dalam borang soal selidik yang sama berhubungan antara satu sama lain atau berfungsi dalam cara yang sama (Neuman, 2006).

3.7 Kajian Utama

Pengkaji telah menjalankan pengumpulan data untuk jangka masa bermula dari 13 Mei 2012 sehingga ke 26 Jun 2012 (rujuk Apendiks B bagi borang soal selidik). Pendekatan ini adalah bermanfaat bagi tujuan menjawab persoalan-persoalan berkenaan sebab dan kesan.

Kadar jawapan (Neuman, 2006) adalah tentang aspek kadar tidak-jawapan di mana ia merujuk pada peratusan bilangan responden yang tidak memberikan jawapan ke atas borang soal selidik. Manakala kadar jawapan adalah jumlah peratusan responden yang telah memberikan jawapan ke atas borang soal selidik. Mana-mana maklumat yang hilang atau jawapan tidak tahu ialah juga berkenaan dengan kadar tidak-jawapan. Bilangan kadar jawapan dapat dilihat pada Jadual 3.6.

Jadual 3.6: Kadar *response* pengutipan data sebenar

Sekolah	Jumlah Borang Diedarkan*	Jumlah Borang Dikembalikan	Peratus rate (%)	Response
SMK Jeneri, Jeniang	250	217	99.1	
SMK Junjung, Kulim	100	98	92.9	
SMK Kuala Pegang	299	292	99.32	
SMK Ayer Hitam, Alor Setar	350	282	99.65	
JUMLAH	999	889	98.8	

Nota: * ialah berdasarkan persetujuan dengan pihak sekolah

3.8 Teknik Persampelan Kajian

Persampelan kajian adalah berbentuk persampelan pilihan sekolah. Pemilihan responden adalah dibuat oleh pihak sekolah iaitu pengetua dan wakil pihak sekolah. Pengetua bagi keempat-empat buah sekolah bersetuju untuk terlibat dalam kajian yang dijalankan. Kumpulan pelajar dipilih mengikut ciri-ciri iaitu dari sekolah yang mempunyai pencapaian yang rendah dan baik yang membolehkan perbezaan kumpulan dibandingkan dan pelbagai pengalaman boleh dikemukakan (Kelley et al. 2003; World Public Library, 2015; The Assessment Capacities Project (ACAPS), 2011).

3.8.1 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini telah menjalankan pengumpulan data melalui pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan dengan memanipulasikan borang soal selidik yang dilaksanakan ke atas pelajar sekolah di luar bandar. Pembolehubah bebas adalah modal sosial yang terdiri dari kumpulan dan jaringan, kepercayaan, tindakan kolektif dan kerjasama, maklumat dan komunikasi, serta perpaduan dan penyertaan sosial. Manakala pembolehubah bergantung adalah prestasi akademik pelajar sekolah di desa. Pengedaran borang soal selidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam dilakukan dengan cara *self-administered* iaitu borang diserahkan kepada guru dan guru akan menyerahkan borang tersebut kepada pelajar. Pelajar menjawab borang soal selidik tanpa kehadiran pengkaji. Bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Jeneri, borang soal selidik diedarkan di Dewan Sekolah dan pengkaji memberikan penjelasan kepada responden cara untuk menjawab borang soal selidik. Kaedah yang digunakan bagi kedua-dua sekolah ini juga melalui *self-administered* iaitu pelajar akan membawa balik borang soal selidik, mengisi sendiri borang dan kemudian dikembalikan kepada penyelidik. Perbezaan teknik pengumpulan data ini adalah disebabkan prosedur sekolah yang berbeza. Perbezaan tersebut tidak mempunyai banyak kesan pada kajian kerana soalan adalah menggunakan skala Likert oleh itu pelajar hanya perlu memilih jawapan yang sesuai dengan pernyataan yang dikemukakan.

3.9 Kumpulan Sasaran Dan Pemilihan Responden

Dalam kajian tinjauan kumpulan sampel adalah lebih besar dan proses pengutipan data adalah lebih cepat. Kajian melibatkan empat buah sekolah. Unit analisis kajian yang merupakan entiti utama yang dianalisis dalam kajian adalah meliputi entiti pada aras mikro

iaitu merangkumi perhubungan secara bersemuka di kalangan sebilangan individu dalam konteks sosial berukuran kecil dan terjadi dalam jangka masa yang pendek dalam konteks sosial tertutup. Unit analisis kajian ialah pelajar sekolah SMHB yang merupakan sekolah-sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan di negeri Kedah yang cuma merangkumi pengumpulan data pada satu aras sahaja, modal sosial dan pencapaian akademik. Data bagi membuat analisis ke atas pembolehubah bebas dikutip menerusi menyerahkan borang soal selidik kepada pelajar sekolah (individu) termasuk data pembolehubah bergantung yang didapati menerusi maklumat keputusan penilaian pelajar yang terkini.

Kerangka persampelan kajian secara keseluruhan adalah terdiri dari populasi kajian iaitu semua sekolah menengah kebangsaan harian biasa kerajaan jenis luar bandar di negeri Kedah iaitu sebanyak 77 buah sekolah. Sekolah luar bandar adalah sekolah yang terletak di lokasi luar bandar manakala sekolah bandar adalah sekolah yang berada di kawasan bandar. Sekolah luar bandar dipilih kerana mempunyai kekurangan berbanding dengan sekolah bandar seperti kurang kemudahan infrastruktur dan jumlah pelajar adalah sedikit berbanding sekolah di bandar. Bilangan pelajar di sekolah luar bandar adalah kurang berbanding dengan pelajar sekolah di bandar. Pada tahun 2005 terdapat 792 buah sekolah menengah luar bandar di Malaysia manakala pada tahun 2011 ialah sebanyak 90 buah sekolah dan 78453 orang pelajar. Sekolah menengah luar bandar masih lagi kekurangan kemudahan infrastruktur dan kemudahan pendidikan. Oleh itu, peluang untuk menikmati kemudahan pendidikan adalah terhad (Prestariang.com.my, 2015; Slideshare.net, 2013).

Fakta ini menunjukkan bilangan pelajar di luar bandar adalah kekurangan dan terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh sekolah menengah luar bandar. Sekolah menengah harian biasa dijadikan sebagai aspek kajian kerana sekolah menengah harian biasa dikaitkan dengan kelas kedua dan kekurangan kemudahan infrastruktur sekolah berbanding dengan sekolah berasrama penuh (Mohd Yusof Abdullah et al. 2011). Negeri

Kedah dipilih sebagai kajian kerana berdasarkan penemuan Zalika Adam et al. (2009) pada tahun 2004 Kedah merekodkan aras kemiskinan yang amat tinggi di Koridor Utara iaitu pada tahap 7 peratus (kira-kira 27,300 isi rumah). Fenomena kemiskinan dikatakan menjadi faktor kemunduran pendidikan di kawasan luar bandar.

Jadual 3.7: Bilangan populasi dan kuantiti sekolah menengah luar bandar mengikut zon Bandar lokasi sekolah pada tahun 2011

Bil.	Zon Mengikut Bandar Lokasi Sekolah	Bilangan Sekolah Luar Bandar	Bilangan Pelajar
1.	Baling	3	2873
2.	Kuala Ketil	4	3932
3.	Kupang	3	3341
4.	Serdang	3	1743
5.	Alor Setar	10	8987
6.	Langgar	2	1478
7.	Sungai Petani	3	4609
8.	Kota Kuala Muda	1	1492
9.	Merbok	2	2620
10.	Gurun	1	1351
11.	Bukit Kayu Hitam	1	270
12.	Jitra	3	3042
13.	Ayer Hitam	3	2598
14.	Changlun	2	2582
15.	Kodiang	1	1071
16.	Sintok	1	698
17.	Karangan	2	2261
18.	Kulim	2	1718
19.	Padang Serai	3	3828
20.	Langkawi	4	4286
21.	Kuala Nerang	2	1225
22.	Pendang	5	3871
23.	Jeniang	2	1704
24.	Sik	4	3177
25.	Yan	1	1045
26.	Guar Chempedak	2	2142
27.	Pokok Sena	4	3335
28.	Bandar Baharu	1	927
29.	Bedong	1	838
30.	Tikam Batu	1	1294
	Total	77	74338

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011; Jabatan Pelajaran Negeri Kedah Darul

Aman, 2012

Kerangka persampelan kajian boleh dilihat dalam Jadual 3.7 yang menunjukkan bilangan populasi dan kuantiti sekolah menengah luar bandar mengikut zon bandar lokasi sekolah pada tahun 2012. Jadual 3.7 menunjukkan populasi pelajar dan kuantiti sekolah menengah luar bandar. Bilangan populasi pelajar sekolah menengah luar bandar kategori sekolah menengah harian biasa di negeri Kedah ialah sebanyak 3914 orang. Populasi sasaran adalah sekolah-sekolah yang dipilih secara bertujuan berdasarkan keputusan peperiksaan PMR tahun 2001-2011 iaitu seramai 2139. Oleh itu, sekolah kajian adalah dipilih berdasarkan keputusan peperiksaan PMR tahun 2001-2011 (Apendiks A Jadual 1.2).

Kajian ini menumpukan pada sekolah yang mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan PMR dan sekolah yang mendapat keputusan peperiksaan yang kurang baik dalam PMR. Pemilihan empat buah sekolah adalah berdasarkan peratus pencapaian tahap minimum (0 peratus hingga 100 peratus) iaitu kadar peratusan pelajar yang lulus dalam peperiksaan PMR bagi setiap sekolah menengah harian biasa luar bandar. Di samping itu, peratus calon yang cemerlang (0 peratus hingga 100 peratus) dalam peperiksaan PMR di setiap sekolah tersebut juga diambil kira untuk membuat pemilihan sekolah kajian. Peratus calon yang cemerlang ialah merujuk pada bilangan calon yang mendapat keputusan A dalam mata pelajaran yang diambil. Oleh itu, berdasarkan dua kriteria peratusan tersebut sekolah yang mempunyai peratusan tertinggi dalam peratus calon yang cemerlang dan peratusan pencapaian tahap minimum paling tinggi dikategorikan sebagai sekolah yang berprestasi baik. Sekolah yang mempunyai peratus calon yang cemerlang dan peratusan pencapaian tahap minimum paling pada kadar sederhana dikategorikan sebagai sekolah berprestasi sederhana. Sekolah yang mempunyai peratus calon yang cemerlang dan peratusan pencapaian tahap minimum paling pada kadar rendah dikategorikan sebagai sekolah berprestasi rendah. Dua buah sekolah yang mempunyai peratus pencapaian tahap minimum yang tinggi dipilih bagi mewakili sekolah yang mendapat keputusan peperiksaan

yang baik. Manakala dua buah sekolah yang mempunyai peratus pencapaian tahap minimum yang paling rendah dipilih bagi mewakili sekolah yang mendapat keputusan peperiksaan yang kurang baik.

Rasional empat buah sekolah tersebut dikaji adalah untuk melihat perbezaan atau varian dalam pencapaian pendidikan. Dua buah sekolah yang mendapat keputusan peperiksaan yang baik iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung, Kulim dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, Simpang Empat Kerpan, Ayer Hitam. Dua buah sekolah yang mendapat keputusan peperiksaan yang kurang baik ialah S.M.K. Jeneri, Jeniang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang, Kuala Pegang, Baling telah dipilih sebagai populasi sasaran. Oleh itu, empat buah sekolah adalah populasi sasaran. Sampel seramai 1100 orang ialah sebilangan kecil daripada pelajar S.M.K. Jeneri, Jeniang; Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang, Kuala Pegang, Baling; Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung, Kulim dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam, Simpang Empat Kerpan, Ayer Hitam.

Prosedur atau prinsip untuk menentukan saiz sampel adalah seperti berikut:

$$n_o = \frac{Z^2 pq}{e^2}$$

Formula adalah berdasarkan Israel (1992) di mana n ialah saiz sampel; z ialah nilai aras keyakinan z yang ditetapkan (1.96); e ialah tahap yang dikehendaki; p ialah kadar anggaran sifat dalam populasi dan q ialah $1-p$. Pengiraan saiz sampel adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} n &= \frac{(1.96)^2 (0.5)(0.5)}{(0.05)^2} \\ &= 385 \end{aligned}$$

Berdasarkan formula pengiraan saiz sampel oleh Israel (1992) maka keseluruhan saiz sampel adalah sebanyak 385 orang. Walau bagaimanapun berdasarkan University of California Los Angeles (UCLA)^b (2015) saiz sampel yang cemerlang adalah melebihi 1000 orang. Oleh itu, kajian ini cuba menenuhi kriteria ini dan telah mengedarkan borang soal selidik sebanyak 999 set borang. Saiz sampel untuk setiap sekolah adalah seperti dalam Jadual 3.8. Jumlah sampel 1000 orang adalah sesuai untuk tinjauan di peringkat kebangsaan (Frank, 7 Mei 2015).

Jadual 3.8: Populasi sasaran dan sampel kajian di empat buah sekolah-sekolah menengah kebangsaan harian biasa (SMHB) kerajaan kategori sekolah luar bandar negeri Kedah yang menjadi kajian

Bil.	Nama dan alamat sekolah	Bilangan populasi sasaran (orang)	Saiz sampel (orang)
1.	Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam Simpang Empat Kerpan, 06150 Ayer Hitam, Kedah	898	350
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Junjung Jalan Junjong, 09000 Kulim, Kedah	294	200
3.	Sekolah Menengah Kebangsaan Jeneri Jalan Kg Betong, Mukim Jeneri, 08700 Jeniang, Kedah	387	250
4.	Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Pegang Kuala Pegang, 09110 Baling, Kedah	560	300
	Total	2139	1100

Sumber: Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Hitam et al. (2012).

3.10 Kebolehpercayaan Dan Kesahan Sampel Akhir

Analisis kebolehpercayaan soal selidik boleh dilihat di bawah. Keputusan kesahan soal selidik boleh dilihat di bahagian lampiran Apendiks B (Jadual *Item-Total Statistics*). Terdapat beberapa bahagian yang mempunyai nilai Alfa Cronbach yang rendah iaitu $\alpha =$

0.4 apabila dianalisis soalan mengikut pembolehubah. Walau bagaimanapun nilai Alfa Cronbach ($\alpha = 0.7$) adalah boleh diterima bagi setiap pembolehubah. Jadual 3.9 menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi soalan soal selidik bagi sampel akhir dan selepas pengeluaran soalan. Jadual 3.10 menunjukkan nilai Alpha Cronbach sampel akhir bagi indikator modal sosial.

Jadual 3.9: Nilai Alpha Cronbach soalan soal selidik sampel akhir

Sampel Akhir				Selepas Pengeluaran Soalan			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
Kumpulan dan jaringan							
1	.49	.67	8	1	.53	.69	7
2	.48			2	.53		
3	.46			3	.47		
4	.38			4	.38		
5	.37			5	.38		
6	.35			6	.36		
7	.26			7	.22		
8	.19						
Kepercayaan							
50	-.03	.12	3	50	-.20	-.50	2
51	-.03			51	-.20		
52	.29						
Tindakan kolektif dan kerjasama							
53	.36	.42	5	53	.43	.55	4
54	.41			54	.43		
55	.49			55	.50		
56	-.13			57	.07		
57	-.12						
Maklumat dan komunikasi							
58	.42	.83	14				
59	.45						
60	.49						
61	.41						
62	.53						
63	.41						
64	.40						
65	.50						
66	.53						
67	.41						

Jadual 3.9, sambungan

Sampel Akhir				Selepas Pengeluaran			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
68	.55						
69	.53						
70	.46						
71	.47						
Perpaduan dan penyertaan sosial							
72	.31	.52	6	72	.33	.65	5
73	.35			73	.42		
74	.40			74	.47		
75	-.09			76	.38		
76	.35			77	.41		
77	.38						
Pendayaupayaan							
78	.37	.63	4				
79	.36						
80	.53						
81	.41						
Interaksi sosial							
9	.12	.22	13	9	.40	.73	9
10	.17			10	.42		
11	.11			11	.41		
12	-.02			13	.40		
13	.07			14	.30		
14	.11			15	.46		
15	.06			17	.41		
16	-.01			18	.51		
17	.13			19	.42		
18	.04						
19	.17						
20	.02						
21	-.03						
Agregat sosial							
22	.20	.41	3	23	.27	.43	2
23	.27			24	.27		
24	.28						
Autoriti sosial							
25	.47	.66	3				
26	.46						
27	.48						
Peranan sosial							
28	.36	.52	2				
29	.36						
Status sosial							
30	.35	.51	2				

Jadual 3.9, sambungan

Sampel Akhir				Selepas Pengeluaran			
Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah Soalan	Soalan	Korelasi item-total diperbetulkan	Alpha	Jumlah soalan
31	.35						
Norma sosial							
32	.51	.68	3	32	.28	.43	2
33	.60			34	.28		
34	.38						
Entropi sosial							
35	.68	.89	7				
36	.70						
37	.72						
38	.68						
39	.64						
40	.73						
41	.58						
Jambatan sosial							
42	.41	.74	5				
43	.44						
44	.65						
45	.61						
46	.42						
Hubungan sosial							
47	.58	.77	3				
48	.63						
49	.61						

Jadual 3.10: Alpha Cronbanch Modal Sosial Sampel Akhir

Bil.	Modal sosial	Bilangan (soalan)	item α
Dimensi Modal Sosial			
1.	Kumpulan dan jaringan	8	.67
2.	Kepercayaan	3	.12
3.	Tindakan kolektif dan kerjasama	5	.42
4.	Maklumat dan komunikasi	14	.83
5.	Perpaduan dan penyertaan sosial	6	.52
6.	Pendayaupayaan	4	.63
Ikatan Sosial			
1.	Interaksi sosial	13	.22
2.	Agregat sosial	3	.41
3.	Autoriti sosial	3	.66
4.	Peranan sosial	2	.52
5.	Status sosial	2	.33
6.	Norma sosial	3	.51

Jadual 3.10, sambungan

Bil.	Modal sosial	Bilangan (soalan)	item α
7.	Entropi sosial	7	.68
Bentuk Modal Sosial			
1.	Jambatan sosial	5	.74
2.	Hubungan sosial	3	.77

Jadual 3.5 hingga Jadual 3.7 menunjukkan nilai Alpha Cronbach bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial. Nilai Alpha Cronbach bagi keseluruhan 81 soalan ialah $\alpha = .89$. Secara keseluruhan didapati bahawa sebanyak 51.85 peratus nilai *corrected item-total correlation* bagi item (soalan) soalan bentuk modal sosial, dimensi modal sosial dan ikatan sosial dalam borang soal selidik semasa sampel akhir memenuhi kriteria kesahan menumpu (*convergent validity*) minimum yang boleh diterima $\alpha = .40$ ($> .40$). Manakala 48.15 peratus soalan tidak memenuhi kriteria kesahan menumpu minimum yang boleh diterima iaitu kurang dari $\alpha = .40$ (Luo et al. 2010). Kesahan menumpu adalah bermakna ukuran yang pelbagai dalam borang soal selidik yang sama berhubungan antara satu sama lain atau berfungsi dalam cara yang sama (Neuman, 2006). Analisis statistik ke atas data sampel akhir adalah tidak melibatkan pengeluaran soalan iaitu semua soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik adalah dianalisis secara deskriptif dan inferensi.

3.11 Analisis Data

Data yang dikutip adalah data primer (data asas) melalui pendekatan kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan menerusi penggunaan borang soal selidik. Data primer tersebut diproses dan dianalisis melalui manipulasi perisian *Statistical for Social Science* (SPSS) untuk mengeluarkan maklumat atau data kategori deskriptif dan inferensi. Penyelidikan sains sosial kuantitatif memerlukan penggunaan komputer di mana kemajuan

ini adalah dipengaruhi oleh penerimaan yang meluas di kalangan ahli sains sosial ke atas perisian statistik. Antaranya ialah peratusan, min, julat, sisihan piawai, ujian parametrik seperti *Analysis of Variance* (AVOVA), ujian t, korelasi Pearson, regresi dan *multicollinearity* untuk melihat pertalian dan perbezaan antara pembolehubah. Ujian parametrik adalah berasaskan pada parameter tertentu yang mengandaikan data berasal dari taburan kebarangkalian dan membuat inferensi tentang parameter taburan (Parametric statistical tests, 2015; Ariga, 2014).

Peratusan merujuk pada bahagian semua subjek yang dikelaskan dalam kategori tertentu dan peratusan adalah merupakan kekerapan relatif didarab dengan 100 (home.moravian.edu, 2015; Faculty of Research and Development, 2013). Min atau purata adalah merupakan ukuran kecenderungan memusat yang menawarkan satu gambaran umum berkenaan data (Sekaran dan Bougie, 2010). Julat merupakan ukuran kebolehubahan (*variability*) paling mudah. Ia adalah perbezaan antara nilai data yang terbesar dan yang terkecil. Ukuran kebolehubahan yang baik ialah julat *interquartile*. Ia adalah jarak antara nilai *percentile* 75th dan 25th dan tidak mudah dipengaruhi oleh nilai ekstrem (Norusis, 2012).

Sisihan piawai adalah ukuran yang paling penting yang menawarkan satu indeks penyebaran dalam taburan atau kebolehubahan dalam data. Ia adalah merupakan analisis yang paling biasa digunakan untuk mengukur penyebaran dan merupakan punca kuasa dua bagi varian. Sisihan piawai merupakan satu alat yang sangat berguna kerana peraturan statistik dalam satu taburan normal iaitu pertama, secara praktikal semua tinjauan berada dalam tiga sisihan piawai dari purata atau min. Kedua, lebih dari 90 peratus tinjauan adalah dalam sisihan piawai dari min. Ketiga, Lebih dari separuh tinjauan adalah dalam satu sisihan piawai dari min (Antonius, 2003; Sekaran dan Bougie, 2010).

ANOVA adalah untuk menentukan perbezaan signifikan antara min dua atau lebih pembolehubah bebas iaitu untuk membandingkan latar belakang responden dengan modal sosial (Laerd Statistics, 2013). Ujian t satu sampel adalah untuk menentukan jika purata satu sampel adalah serupa dalam responden. Dalam mengkaji pengaruh modal sosial skor purata untuk pembolehubah modal sosial di kalangan pelajar sekolah menengah harian biasa adalah antara 2 hingga 3 dan melalui analisis ini dapat diketahui sama ada purata sampel adalah serupa (Bryman dan Cramer, 1999).

Analisis korelasi berkaitan dengan penyiasatan sama ada hubungan wujud dan dengan menentukan besarnya (magnitud) dan arah. Apabila dua pembolehubah berbeza bersama seperti pembolehubah modal sosial dan pencapaian pendidikan ia dikatakan sebagai mempunyai perhubungan. Analisis korelasi cuba mencari takat dua atau lebih pembolehubah adalah berkaitan. Pengkaji mengukur peristiwa dan tingkah laku yang berlaku secara semula jadi kemudiannya menentukan jika ukuran tersebut memperolehi mata (skor) kovari (berbeza dalam korelasi dengan varian berkaitan yang lain). Analisis korelasi mudah melibatkan memperolehi pasangan dalam ukuran pada dua pembolehubah berbeza daripada sebilangan responden. Ukuran tersebut dianalisis secara statistic untuk menentukan jika sebarang kaitan wujud antara mereka iaitu menggunakan pekali korelasi. (Ho, 2014).

Faktor yang menentukan penggunaan set data khusus adalah aras pengukuran pada setiap pembolehubah adalah diukur, sifat yang mendasari taburan (selanjar atau diskret). Teknik korelasi mempunyai ciri-ciri umum iaitu pertama dua set pengukuran adalah diperolehi pada pasangan yang sama atau individu yang sama yang adalah sepadan pada beberapa asas. Kedua, nilai pekali korelasi berbeza antara +1.00 dan -1.00. Kedua-dua nilai tersebut menggambarkan pertalian yang sempurna antara pembolehubah dan 0.00 menunjukkan ketiadaan hubungan. Ketiga, hubungan positif bermakna bahawa individu

memperolehi skor yang tinggi pada satu pembolehubah yang cenderung untuk memperoleh skor tinggi pada pembolehubah kedua. Keadaan sebaliknya juga adalah benar iaitu individu memperoleh skor yang rendah pada satu pembolehubah yang cenderung untuk mendapat skor yang rendah pada pembolehubah kedua. Keempat, hubungan negative bermakna bahawa individu memperoleh skor rendah pada satu pembolehubah cenderung untuk memperoleh skor tinggi pada pembolehubah kedua. Keadaan sebaliknya ialah individu yang memperoleh skor tinggi pada satu pembolehubah cenderung untuk memperoleh skor lebih rendah pada pembolehubah kedua (Ho, 2014).

Analisis regresi atau regresi linear adalah berkaitan secara rapat dengan korelasi. Kedua-dua teknik melibatkan hubungan antara dua pembolehubah dan menggunakan set sama dalam skor yang berpasangan yang diambil dari subjek yang sama. Korelasi adalah menumpukan pada magnitud dan arah manakala regresi adalah menumpukan pada menggunakan hubungan untuk ramalan. Dari segi ramalan, jika dua pembolehubah adalah berkaitan dengan sempurna, maka mengetahui nilai dalam satu skor membenarkan satu ramalan sempurna dalam skor pada pembolehubah kedua. Penggunaan analisis regresi ini ialah untuk membuat ramalan dari satu pembolehubah dari satu pembolehubah di mana dalam kajian ini ia meramalkan pencapaian pendidikan pelajar melalui modal sosial yang ada pada pelajar (Ho, 2014).

Analisis *multicollinearity* ialah merupakan ujian regresi berganda (*multiple regression*) yang menganalisis hubungan antara pembolehubah bergantung (*criterion variable*) dan pembolehubah bebas. Analisis regresi berganda dijalankan bertujuan untuk mencari persamaan peramalan yang terbaik untuk set pembolehubah iaitu x dan y yang ditetapkan (peramal) dan z (pembolehubah bergantung). Tujuan kedua analisis regresi berganda ialah untuk mengawal faktor bertentangan supaya menilai sumbangan pembolehubah atau set pembolehubah khusus iaitu mengenal pasti hubungan bebas. Tujuan

ketiga ialah untuk mencari hubungan struktural dan menyediakan penjelasan untuk hubungan multivariat yang kelihatan kompleks seperti yang dilakukan dalam analisis Path. Analisis *multicollinearity* ialah merujuk pada situasi pembolehubah bebas atau peramal adalah sangat berkaitan (Ho, 2014).

Apabila pembolehubah bebas adalah kekolinearan maka terdapat pertindanan atau berkongsi kuasa ramalan. Ini boleh menyebabkan kesan paradoksikal iaitu kesan yang bercanggahan yang menetapkan model regresi memadankan data dengan baik tetapi tidak ada pembolehubah bebas yang mempunyai kesan signifikan dalam meramalkan pembolehubah bergantung. Ini adalah kerana apabila pembolehubah peramal adalah sangat berkaitan ia berkongsi maklumat yang sama. Ia boleh menjelaskan hal yang berkaitan dengan pembolehubah bergantung tetapi secara individu tidak menyumbang secara signifikan kepada model. Oleh itu, kesan kekolinearan ialah untuk mengurangkan mana-mana kuasa ramalan pembolehubah bebas setakat ia berkaitan dengan pembolehubah bebas. Oleh itu, tidak ada pembolehubah bebas mungkin boleh menyumbang secara berbeza dan secara signifikan kepada model ramalan selepas pembolehubah yang lain dimasukkan (Ho, 2014).

3.12 Kesimpulan

Kajian ini adalah penyelidikan asas menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengutip dan menganalisis data. Analisis yang dilakukan ialah seperti peratusan, kekerapan, min, ujian t, korelasi, regresi dan lain-lain. Kajian ini telah dilaksanakan terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah harian biasa di luar bandar di negeri Kedah.